

Sikap Harian Selasa 11 Disember 2018



Prof Dr Yuserrie bersama peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran 3rd UMP Handball East Coast Championship yang berlangsung di UMP Gambang baru-baru ini.

36 pasukan sertai UMP Handball East Coast Championship

KUANTAN - Sebanyak 36 pasukan bola baling di seluruh negara terlibat dalam UMP Handball East Coast Championship Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang baru-baru ini.

Kejohanan berkenaan anjuran Kelab Bola Baling UMP dengan kerjasama Pusat Sukan UMP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP.

Pengarah program, Muhammad Nui Aimanuddin Mohd Zin berkata, kejohanan bertujuan mencungkil bakat baharu dalam sukan itu.

Menurutnya, penganjuran kali ketiga itu turut melibatkan penuntut subjek Ko-Kurikulum UQS 2061 sebagai kru kejohanan bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran dalam pengurusan sukan itu.

Kejohanan dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Datuk Prof Dr Yuserrie Zainuddin.

Hadir sama Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd Rahman Safie, Ketua Bahagian Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail

dan wakil Persekutuan Bola Baling Malaysia (MAHF), Faisal Rosman yang turut menyaksikan perlawanan pembukaan pasukan UMP menentang Kelab KUHAC Legend.

Sementara itu, Faisal berkata, UMP menyediakan satu standard penganjuran kejohanan bola baling yang hebat dalam konteks lokasi, jawatankuasa, kru dan kepengadilan.

Pengurus Pasukan Wipers, Muhd Khairul Hafidzin yang juga bekas pemain bola baling negara memuji penganjuran itu "Semuanya terlalu sempurna dari segi persiapan lokasi, teknikal. Pasukan saya pertama kali menyertai kejohanan selepas menerima maklumat penganjuran yang berkualiti," katanya.

Kejohanan menyaksikan Kelab Profesional JJ Boys dinobatkan johan bagi kategori lelaki yang telah menewaskan pasukan Kelab Harun Boys manakala pasukan SUKMA Terengganu (Turtle Fighters) menjuarai bagi kategori wanita.